

22 DEC 2001

BN KENALPASTI EMPAT CALON UNTUK INDERA KAYANGAN

KANGAR, 22 Dis (Bernama) -- MCA telah mengemukakan empat nama untuk dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihanraya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata kesemua nama yang dikemukakan itu adalah pemimpin yang berwibawa dan mampu membawa kemenangan kepada BN.

Senarai nama itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan, katanya kepada pemberita selepas bertemu para pemimpin MCA negeri di sini malam tadi.

Shahidan yang juga pengarah pilihan raya BN mengulangi keyakinan bahawa Indera Kayangan akan kekal di tangan BN berdasarkan perkembangan semasa termasuk penyertaan ramai anggota PAS ke dalam Umno.

Pilihan raya kecil kerusi itu diadakan ekoran kematian Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Khor Liang Tee Rabu lepas.

-- BERNAMA

AD MOZ